

<b>Headline</b>	: Salcon dapat kontrak RM70.52 juta ganti saluran paip di Kelantan
<b>News Source</b>	: Berita Harian, <a href="https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2025/02/1363428/salcon-dapat-kontrak-rm7052-juta-ganti-saluran-paip-di-kelantan">https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2025/02/1363428/salcon-dapat-kontrak-rm7052-juta-ganti-saluran-paip-di-kelantan</a>
<b>Date</b>	: 19 February 2025

## Salcon dapat kontrak RM70.52 juta ganti saluran paip di Kelantan

Oleh **BERNAMA** - Februari 19, 2025 @ 10:09pm



KUALA LUMPUR: Anak syarikat milik penuh Salcon Bhd, Salcon Engineering Bhd memperoleh kontrak RM70.52 juta daripada Pengurusan Aset Air Bhd untuk menggantikan saluran paip di Kota Bharu, Kelantan.

Salcon menyatakan bahawa kerja akan dimulakan selepas memenuhi syarat kontrak, dengan pemilikan tapak dijadualkan pada 17 Mac 2025, dan tempoh penyiapan 24 bulan berakhir pada 16 Mac 2027.

Dalam makluman kepada Bursa Malaysia hari ini, kumpulan itu berkata projek itu dijangka memberi kesan positif kepada pendapatan dan aset bersihnya bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025, dan seterusnya, tanpa menjelaskan modal saham syarikat atau pegangan saham pemegang saham yang besar.

"Salcon tidak meramalkan sebarang risiko luar biasa selain daripada risiko pelaksanaan yang berkaitan dengan projek itu," tambahnya.

-BERNAMA